



**UCAPAN
BAJET NEGERI MELAKA
TAHUN 2026**

oleh:

**YAB DATUK SERI UTAMA AB RAUF BIN YUSOH
KETUA MENTERI MELAKA**

**ketika membentangkan
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2026**

**di Dewan Undangan Negeri Melaka
pada Jumaat, 5 Disember 2025**

***“PEMBANGUNAN TERANCANG,
DEMI RAKYAT, UNTUK RAKYAT”***

KANDUNGAN

MUKADIMAH

RANCANGAN MALAYSIA KE-13 DAN BELANJAWAN 2026

PRESTASI EKONOMI

BAJET DEMI RAKYAT UNTUK RAKYAT 2026

MATLAMAT 1 MELESTARI PEMBANGUNAN DAN KEBERHASILAN EKONOMI

Tumpuan 1: Perancangan Ekonomi, Kewangan, Hal Ehwal Tanah, Agensi Berkaitan Kerajaan, Pelaburan dan Perindustrian

Tumpuan 2: Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana

Tumpuan 3: Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya

Tumpuan 4: Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Tumpuan 5: Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital

Tumpuan 6: Kerja Raya, Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pengangkutan

MATLAMAT 2 MENSEJAHTERAKAN RAKYAT DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Tumpuan 7: Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti

Tumpuan 8: Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan

Tumpuan 9: Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan

Tumpuan 10: Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama

Tumpuan 11: Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna

Tumpuan 12: Pembangunan TVET

MATLAMAT 3 MEMANTAPKAN TATAKELOLA DAN KECEKAPAN TADBIR URUS

Tumpuan 13: Perkhidmatan Awam

PENUTUP

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Saya mohon mencadangkan agar satu Rang Undang-undang bernama “Suatu Enakmen Perbekalan 2026 untuk membolehkan kegunaan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi maksud perbelanjaan pengurusan tahun 2026” dibaca bagi kali kedua.

MUKADIMAH

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

1. Saya mulakan lafaz ucapan Bajet Negeri Melaka Tahun 2026 dengan mengungkap kalimah suci Bismillahirrahmanirahim dan memetik firman Allah Subhannahu Wa Ta’ala daripada Surah An-Nisa’ ayat 58 sebagai peringatan buat diri saya dan semua yang ada di dewan yang mulia ini.

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya dan hendaklah berlaku adil. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat”

2. Justeru, pada pagi Sayyidul Ayyam Jumaat penghulu segala hari, marilah kita merafakkan rasa syukur setulusnya ke hadrat Allah SWT, yang telah mengizinkan saya serta para Ahli Yang Berhormat berhimpun di dalam dewan yang mulia ini bagi mempersiagakan ceracak-ceracak yang kukuh demi rakyat untuk rakyat.
3. Sesungguhnya, bajet ini digubal dengan penuh keazaman, lahir daripada tekad barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan dilaksanakan secara holistik untuk mendorong perubahan besar yang benar-benar dirasakan oleh rakyat.

4. Lantaran itu, dalam merangka bajet ini, Kerajaan Negeri telah mendengar dengan teliti suara semua pihak meliputi sektor awam dan swasta, hinggalah kepada kumpulan fokus rakyat serta maklum balas media. Saya merakamkan setulus penghargaan kepada semua yang terlibat, kerana melalui sumbangan saudara saudari, bajet ini akhirnya dapat benar-benar mencerminkan denyut nadi dan harapan rakyat Melaka.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

5. Sebelum saya membentangkan Ucapan Bajet Negeri Melaka 2026 ini, izinkan patik menjunjung setinggi-tinggi kasih **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim, serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah** atas limpah kurnia, kebijaksanaan dan kepimpinan penuh hikmah yang menaungi rakyat serta negara.
6. Patik juga menzahirkan setulus tahniah dan mengucapkan **Selamat Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2025**. Bagi pihak seluruh rakyat Negeri Melaka, patik merafak junjung kasih dan mendoakan semoga Tuanku berdua sentiasa dikurniakan kesihatan, kesejahteraan serta kebijaksanaan berpanjangan dalam memimpin Malaysia menuju kemakmuran dan perpaduan yang berkekalan.
7. Di kesempatan ini juga, saya bersama seluruh kepimpinan negeri serta sekalian rakyat di bumi bersejarah Melaka, turut mendoakan agar **Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka** terus diberi kekuatan dan kejayaan dalam menaungi negeri ini dengan penuh hikmah. Semoga Allah S.W.T. melimpahkan

rahmat, keberkatan dan kesejahteraan berpanjangan kepada Tuan Yang Terutama serta seisi keluarga.

8. Pada pagi yang penuh keberkatan ini, negara dikejutkan dengan berita pemergian sahabat saya, **Allahyarham Yang Berhormat Datuk Seri Panglima (Dr) Bung Moktar bin Radin**, Pengerusi Barisan Nasional Sabah merangkap Ketua UMNO Sabah.
9. Kerajaan Negeri Melaka merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham. Sama-sama kita sedekahkan Al-Fatihah, moga beliau ditempatkan dalam kalangan para solihin. AL-FATIHAH....

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

10. Sepintas lalu, saya menyingkap kembali sekian banyak inisiatif serta program berimpak tinggi sehingga peringkat dunia telah bertapak di negeri Melaka. Antaranya;
 - **World Tourism Day dan World Tourism Conference** serta Pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2026;
 - **The 19th ASEAN Ministerial Meeting on Transnational Crime (AMMTC);**
 - **Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura (MABIMS);** serta
 - **Program MADANI Rakyat (PMR)** yang telah mencatatkan kehadiran tertinggi iaitu seramai 268,327 orang, sekali gus mengatasi penganjuran di negeri lain.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

RANCANGAN MALAYSIA KE-13 DAN BELANJAWAN 2026

11. Kerajaan Negeri Melaka menyambut baik pembentangan **Rancangan Malaysia Ke-13 (2026–2030)** dan **Belanjawan MADANI 2026** yang dibentangkan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, yang bertemakan Belanjawan Rakyat.
12. Bagi pihak rakyat Melaka, saya merakamkan segunung penghargaan atas komitmen Kerajaan Persekutuan yang memperuntukkan 419 bilion ringgit demi kemakmuran bersama, termasuklah meluluskan peruntukan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan tersenarai dalam *wishlist* negeri, antaranya:
 - **Jalan baharu dari Jalan Masjid Tanah Kuala Linggi ke Telok Gong, Alor Gajah;**
 - **Naik taraf jalan dari Sungai Udang ke Masjid Tanah, Alor Gajah;**
 - **Pembinaan semula bangunan daif berserta bangunan tambahan di SMK Ghafar Baba, Alor Gajah;**
 - **Pembinaan semula bangunan baharu dan naik taraf bangunan asrama di SMK Tinggi Perempuan, Melaka Tengah;** dan
 - **Naik taraf Muzium Samudera Fasa 1, Jalan Quayside, Melaka.**
13. Bahkan, lebih daripada itu, Kerajaan Persekutuan turut meluluskan sebanyak **258 projek** iaitu 175 projek baharu dan 83 projek sambungan dengan kos keseluruhan berjumlah **10.7 billion ringgit** dan siling peruntukan tahun 2026 berjumlah

1.0 bilion ringgit. SEKALI LAGI... TERIMA KASIH KERAJAAN MADANI!

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

PRESTASI EKONOMI

14. Menyentuh prospek ekonomi negara dan negeri masa kini, **ekonomi Malaysia** kekal berdaya tahan pada **separuh pertama 2025** melalui indikator **Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 4.4 peratus**, meskipun terkesan dengan perang tarif Amerika Syarikat.
15. Sementara itu, di peringkat negeri Melaka, pertumbuhan ekonomi negeri berkembang pada kadar **4.4 peratus** bagi tahun **2024** didorong oleh **KDNK Melaka** sebanyak **48.9 bilion ringgit** berbanding **46.9 bilion ringgit** pada tahun **2023**.
16. **Pendapatan perkapita Melaka 2024** turut meningkat kepada **54,553 ringgit** berbanding **53,688 ringgit** pada tahun **2023**.
17. Prestasi memberangsangkan ini diupaya oleh **sektor perkhidmatan** yang merupakan penyumbang tertinggi ekonomi negeri sebanyak **25.2 bilion ringgit** atau **51.4 peratus**.
18. **Kadar pengangguran** negeri Melaka bagi **suku tahun kedua 2025** pula, adalah **2.2 peratus** berbanding **3.0 peratus** pengangguran diperingkat **nasional**.
19. Unjuran ini mengambil kira **kadar inflasi** negeri Melaka yang berada pada paras terkawal iaitu **1.3 peratus** dicatatkan bagi **suku tahun kedua 2025**, berbanding **1.6 peratus** pada **suku tahun pertama**.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

BAJET DEMI RAKYAT UNTUK RAKYAT 2026

- 20.** Bersandarkan iltizam **“DEMI RAKYAT UNTUK RAKYAT”**, Bajet Negeri Melaka 2026 dirangka berteraskan semangat **MELAKA SAYANG RAKYAT (MeSRa)**, dengan mengutamakan kesejahteraan rakyat melalui pembangunan yang terancang dan inklusif.

Duduk bersila sambil berbincang,
Bincangnya lama menyusun ayat;
Melaka makmur pembangunan terancang,
Berkhidmat demi rakyat untuk rakyat.

- 21.** Syukur Alhamdulillah, berbaki 26 hari sebelum 2025 melabuhkan tirai, kesemua **168 inisiatif Bajet 2025** berjaya direalisasikan. Maka, segunung penghargaan saya zahirkan kepada kepimpinan Kerajaan Perpaduan, penjawat awam serta seluruh tenaga sokongan yang telah mencurahkan kudrat dan keringat **“DEMI RAKYAT UNTUK RAKYAT”**. Berbekalkan kejayaan ini, kita mara ke tahun **2026** dengan cetusan **204 inisiatif** berpaksikan **MELAKA SAYANG RAKYAT (MeSRa)**.

- 22.** Memenuhi maksud ini, Bajet Negeri Melaka 2026 bertemakan **PEMBANGUNAN TERANCANG, DEMI RAKYAT, UNTUK RAKYAT** digerakkan melalui **3 matlamat utama**:

Pertama: **Melestari Pembangunan Dan Keberhasilan Ekonomi;**

Kedua: **Mensejahterakan Rakyat Dan Pembangunan Modal Insan;** dan

Ketiga: **Memantapkan Tatakelola Dan Kecekapan Tadbir Urus.**

- 23.** Bajet 2026 ini juga diterjemahkan melalui ekosistem strategik, dengan **13 tumpuan** utama, meliputi **11 portfolio Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)** serta **perkhidmatan awam.**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

- 24.** Pada tahun 2026, Kerajaan Negeri mengunjurkan kutipan hasil berjumlah **528.9 juta ringgit** berbanding 498 juta ringgit bagi tahun 2025. Unjuran tersebut merangkumi:

- **Hasil Cukai** berjumlah **184.7 juta ringgit**;
- **Hasil Bukan Cukai** berjumlah **295.7 juta ringgit**; dan
- **Terimaan Bukan Hasil** berjumlah **48.5 juta ringgit.**

- 25.** Maka, Kerajaan Negeri terus mengekalkan inisiatif **Bajet Lebihan** dengan **Anggaran Perbelanjaan Mengurus** berjumlah **528.8 juta ringgit**, iaitu:

- **23.4 juta ringgit** bagi **Maksud Tanggungan**; dan
- **505.4 juta ringgit** bagi **Maksud Bekalan.**

- 26.** Manakala, **Anggaran Perbelanjaan Pembangunan** pula berjumlah **93 juta ringgit** iaitu:

- **56.6 juta ringgit** daripada sumber **Hasil Negeri**;
- **28.4 juta ringgit** daripada Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (**Geran TAHAP**);

- **8 juta ringgit** daripada *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation (EFT)*; dan
- **20 ringgit token** daripada **Akaun Pinjaman Disatukan**.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

MATLAMAT 1: MELESTARI PEMBANGUNAN DAN KEBERHASILAN EKONOMI

TUMPUAN 1: PERANCANGAN EKONOMI, KEWANGAN, HAL EHWAL TANAH, AGENSI BERKAITAN KERAJAAN, PELABURAN DAN PERINDUSTRIAN

- 27.** Tahun 2024 mencatat sejarah apabila Melaka berjaya mencapai nilai pelaburan tertinggi, sebanyak 8.2 bilion ringgit. Momentum ini berterusan dengan **3.6 bilion ringgit pelaburan** sehingga **September 2025**.
- 28.** Namun, nilai sebenar angka-angka ini bukan pada bilionnya, tetapi pada harapan rakyat yang dibawa bersamanya. Setiap pelaburan adalah pintu rezeki untuk anak-anak kita mendapatkan pekerjaan, pintu untuk keluarga menikmati kehidupan lebih tenang, dan pintu untuk negeri terus membangun dengan megah.
- 29.** Sebab itu, usaha memperkukuh ekosistem pelaburan negeri bukan hanya matlamat kerajaan, tetapi perjuangan untuk memastikan rakyat Melaka terus menikmati limpahan kemakmuran.
- 30.** Dalam Bajet 2025 yang lepas, saya telah membentangkan cadangan pembangunan kawasan industri baharu, dan hari ini

saya ingin berkongsi perkembangan status kemajuan terkini mengenainya;

Pertama: **German Technology Park (GTP)**. Kebenaran Merancang (KM) telah diluluskan dan **kerja fizikal** fasa 1 di tapak iaitu, kerja tanah telah siap **30 peratus**. Setakat ini, siri kajian penting termasuk Kajian Kebolehlaksanaan Projek, *Environmental Impact Assessment* (EIA) Fasa 1, *Social Impact Assessment* (SIA), *Traffic Impact Assessment* (TIA) dan *Soil Investigation* (SI) telah disiapkan.

Kedua: **MCorp Hi-Tech Park**. **700 ekar permohonan tanah** kerajaan akan dibuat oleh MCorp dan baki **400 ekar** lagi akan dibuat secara **pengambilan balik tanah**. Bagi melengkapkan kajian ini, kerja-kerja pengukuran demarkasi, kejuruteraan dan topografi telah selesai dilaksanakan pada Oktober 2025. Dalam masa yang sama, penyediaan dokumen bagi kajian *EIA*, *SIA* dan *TIA* sedang disediakan untuk permohonan kelulusan.

Ketiga: Perancangan pembangunan **Zon Ekonomi Anjung Selatan (ZEAS)** melibatkan **Melaka, Johor dan Negeri Sembilan** telah menerima maklum balas positif, di mana bengkel perincian ZEAS akan diadakan pada bulan Disember 2025.

- 31.** Ke arah membina Melaka sebagai negeri maju yang berasaskan pelaburan berkualiti tinggi, MCorp melaksanakan beberapa projek seperti;

Pertama: **Melaka Inland Port** di **Taboh Naning** bernilai **220 juta ringgit**. MCorp telah mengemukakan **permohonan kebenaran merancang dan operasi Inland Port** dijangka akan bermula pada **Oktober 2026**.

Kedua: **Pembinaan hospital baharu** bernilai **540 juta ringgit** di **Bukit Baru**. **Majlis Pecah Tanah** dijangka bermula pada penghujung **Januari 2026**.

Ketiga: **Hab Kecemerlangan Penerbangan Fasa 1** dengan pelaburan **150 juta ringgit** di **Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka**. **MOU** telah ditandatangani pada **23 Oktober 2025**, di mana pembangunan **Fasa 1 seluas 17 ekar** telah dikenalpasti untuk pembangunan **MRO (Maintenance Repair Overhaul)** dan **pusat latihan simulator penerbangan helikopter**.

Keempat: **Projek Data Centre Negeri Melaka** bernilai **64 juta ringgit** di **Telok Gong**. Tanah telah dikenalpasti sejumlah **279 ekar** dan **operasi** dijangka akan bermula **penghujung tahun 2027**.

Kelima: Pembangunan **Melaka Halal Hub 2.0** bernilai **35 juta ringgit** di **Serkam**. **Kerja tanah** telah siap **70 peratus** dan **permohonan persijilan HALMAS (Halal Malaysia)** kepada **Halal Development Corporation Berhad** telah pun dikemukakan untuk kelulusan.

32. Bagi memperkukuh ekosistem pelaburan, Kerajaan Negeri menyokong dan menyambut baik cadangan mewujudkan

Wilayah Metropolis atau Inisiatif Wilayah Tengah, melibatkan kerjasama antara **Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Putrajaya**. Kerjasama strategik ini diyakini dapat memperkukuh ekosistem pelaburan serantau dan menonjolkan kepakaran setiap negeri tanpa persaingan, seterusnya memacu transformasi ekonomi negara.

33. Saya yakin, penyertaan Melaka dalam inisiatif ini bakal membuka lebih banyak peluang pelaburan, khususnya dalam sektor elektronik, automotif, logistik dan teknologi digital. Wilayah ini diunjurkan menyumbang hampir 50 peratus kepada KDNK negara, serta mewujudkan lebih 5,000 peluang pekerjaan.
34. Selaras aspirasi Kerajaan Persekutuan menjadikan Malaysia antara 12 ekonomi terbaik dunia, Kerajaan Negeri terus memperkukuh prinsip “***ease of doing business***”. Buktinya, melalui **Melaka Industrial Booster**, lebih **75 projek** telah **berjaya diuruskan dengan tempoh singkat melalui Invest Melaka**.
35. Justeru, bagi merancakkan lagi pelaburan Melaka, sebanyak **500 ribu ringgit** diperuntukkan kepada **Invest Melaka Berhad** sebagai penggerak utama pelaburan negeri bagi memudah cara urusan antara jabatan kerajaan dan pelabur. Bagi tahun 2026, 2 inisiatif utama diperkenalkan iaitu:

Pertama: **Melaka Industrial Booster**. Mempercepat kelulusan tanah industri secara digital, menyediakan pusat sehenti semakan tanah, dan memberi insentif pembangunan tanah terbiar dalam kluster elektrik, elektronik, semikonduktor, automasi, logistik pintar, dan tenaga boleh Baharu;

Kedua: **Melaka Connect**. Menjadi platform sehenti yang menghubungkan syarikat tempatan dengan pelabur antarabangsa, serta memperkasa Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi menembusi pasaran global.

36. Dengan memperkukuh prinsip *ease of doing business* dan merancakkan kemasukan pelaburan baharu, Kerajaan Negeri menjangkakan lebih 15 ribu peluang pekerjaan untuk rakyat Melaka.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

37. Melaka telah pun berdiri sebagai negeri perintis dalam “**REFORMASI**” bagi **proses pengambilan tanah** di peringkat nasional melalui pembangunan **Manual Laporan Cadangan Pemajuan Edisi Kedua (LCP 2.0) Pindaan Negeri Melaka**. Proses kerja ini merupakan **inisiatif Reformasi Kerenah Birokrasi dan *game changer*** yang **mempercepatkan tempoh atau durasi proses pengambilan tanah daripada 3 tahun (secara purata) kepada 6 bulan** sahaja.
38. Usaha ini sekali gus meletakkan Melaka di barisan hadapan dan menjadi rujukan negeri lain dalam menyusun semula proses kerja berkaitan urusan pengambilan balik tanah sepertimana dimaklumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara ke-82.
39. Di sudut lain, pengurusan hal ehwal tanah terus dipertingkatkan demi rakyat bagi memastikan kebajikan golongan sasar terpilih terus terpelihara. Maka, Kerajaan Negeri membangunkan **Skim MeSRa Pengurusan Tanah**, antaranya:

Pertama: **Insentif khas** bagi **Penjualan unit hartanah kuota Melayu (Kod A) yang tidak terjual kepada pemegang kad Orang Kurang Upaya (OKU) Jabatan Kebajikan Masyarakat di Negeri Melaka bagi pembelian rumah pertama** merangkumi:

- Pengecualian fi urus niaga pindah milik;
- Pengecualian kebenaran pindah milik dan gadaian; dan
- Diskaun 5 peratus kepada OKU bukan Melayu dan diskaun 10 peratus kepada OKU Melayu.

Kedua: **Insentif tunggakan cukai tanah** iaitu:

- **Diskaun 15 peratus tunggakan bagi tempoh bayaran yang diterima bermula 1 Januari hingga 28 Februari 2026;** dan
- **Diskaun 10 peratus tunggakan bagi tempoh bayaran yang diterima bermula 1 Mac hingga 31 Mei 2026.**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

40. Saya ingin menegaskan bahawa pengurusan kewangan berhemah adalah asas kepada tadbir urus kerajaan yang mampan. Alhamdulillah, **Penyata Kewangan Tahun 2024** telah menerima **Sijil Ketua Audit Negara Tanpa Teguran**, merekodkan pencapaian **terbaik dalam tempoh 5 tahun** dan **Melaka antara 4 negeri yang menerima sijil** tersebut.

41. **Kutipan hasil negeri** terus meningkat melalui penerokaan sumber baharu untuk membiayai program dan projek rakyat.

Sehingga **4 Disember 2025**, kutipan adalah **488.09 juta ringgit**, iaitu **98.01 peratus** berbanding sasaran yang ditetapkan pada tahun ini. Tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Pegawai Kewangan Negeri serta semua jabatan yang terlibat atas pencapaian cemerlang ini!

42. Alhamdulillah, sehingga kini, Kerajaan Negeri tidak lagi membuat pinjaman baharu dengan Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2010. Selain memastikan tiada pinjaman baharu dibuat, Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha untuk menyelesaikan hutang-hutang yang diwarisi sejak tahun 1973.
43. Pada tahun 2025, Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik pinjaman sebanyak 8.27 juta ringgit melalui bajet tahunan Kerajaan Negeri serta peruntukan yang diterima daripada SAMB dan MCorp untuk bayaran balik pinjaman masing-masing. Ini menjadikan baki pokok pinjaman adalah sebanyak 648.01 juta ringgit berbanding baki pokok pada 1 Januari 2025 sebanyak 655.55 juta ringgit.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

44. Pada tahun 2026, **13 agensi utama, 4 Syarikat Terhad Dengan Jaminan Kerajaan (CLBG) dan 46 anak syarikat** akan terus diberi mandat melaksanakan **projek berimpak tinggi** dalam pelbagai sektor melalui peruntukan sebanyak **447 juta ringgit**.
45. Bagi menyuntik semangat semua agensi dan anak syarikat supaya terus gigih berusaha meningkatkan prestasi, kerajaan bersetuju untuk meneruskan agenda **penganugerahan agensi dan GLC cemerlang** di samping menyediakan **Garis Panduan**

Tadbir Urus Korporat Negeri Melaka bagi memperkukuh tadbir urus korporat.

46. Hasil pemantauan yang berterusan, telah menampakkan kekukuhan transformasi agensi, GLC dan anak-anak syarikat daripada rugi kepada untung, dan daripada kurang untung kepada lebih untung. Dengan kata lain, secara keseluruhan telah meningkatkan hasil dan keuntungan, seterusnya berupaya memberi dividen yang baik kepada *stakeholder* iaitu Kerajaan Negeri Melaka.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

TUMPUAN 2: PERUMAHAN, KERAJAAN TEMPATAN, SALIRAN, PERUBAHAN IKLIM DAN PENGURUSAN BENCANA

47. Kerajaan Negeri tekad memastikan **kadar pemilikan rumah** di Melaka mencapai **88 peratus menjelang 2030**. Alhamdulillah, Melaka terus juara **harga rumah paling rendah di Malaysia**, menurut laporan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC).
48. **Harga purata rumah** di Melaka kini adalah **250,311 ringgit**, jauh lebih rendah berbanding **494,384 ringgit** di peringkat **nasional** pada **suku ketiga 2025**. Hakikatnya, Kerajaan Negeri benar-benar mahu membantu rakyat memiliki rumah sendiri berdasarkan kemampuan masing-masing.
49. Lantas, di bawah pentadbiran saya, Dasar Perumahan Negeri Melaka diberi nafas baharu khusus untuk melindungi kepentingan golongan B40 dan kebawah setelah lebih 9 tahun terhentinya pembinaan Rumah Kos Rendah.

50. Penambahbaikan ini telah membuka ruang kepada pembinaan **10 peratus Rumah Kos Rendah (RKR)** oleh pemaju swasta, dengan sokongan dan kerjasama oleh Persatuan Pemaju Melaka (REDA) bagi **projek perumahan berskala lebih 10 ekar**. Sehingga kini, **631 unit** rumah kos rendah (RKR) telah **siap dibina**, 932 dalam pembinaan, 2,018 dalam perancangan, menjadikan keseluruhan Rumah Kos Rendah (RKR) berjumlah 3,581 unit.
51. Umum perlu tahu, tanggungjawab bagi menyediakan rumah-rumah untuk golongan B40 dan kebawah bukan hanya perlu di pelopori kerajaan seperti projek perumahan rakyat (PPR) dan lain-lain, tetapi, inisiatif ini juga perlu dimainkan bersama oleh pemaju-pemaju swasta.
52. Selain itu, sebanyak **61,260 unit Rumah Mampu Milik (RMM)** dibangunkan dengan **harga serendah 70 ribu ringgit** seunit. Daripada jumlah ini, **19,801 unit siap**, 18,387 dalam pembinaan, 23,072 dalam perancangan.
53. Program Perumahan Rakyat turut dijenamakan semula kepada **Program Residensi Rakyat (PRR)** dan telah membangunkan lebih **575 unit**, dengan **120 siap**, 255 dalam pembinaan, 200 dalam perancangan.
54. Lantas, bagi memperkukuh agenda perumahan rakyat, Kerajaan Negeri memperkenalkan 4 inisiatif utama di bawah **Skim MeSRa Perumahan** bagi memastikan keperluan rakyat terus terpelihara:

Pertama: **Program Melaka Rumahku**, iaitu **Skim Bantuan Pembinaan Rumah Baharu secara PERCUMA**, akan diteruskan dengan peruntukan khas **3 juta**

ringgit pada tahun 2026. Sehingga kini, **50 unit telah siap**, 2 dalam pembinaan dan 7 masih dalam saringan.

Kedua: **Program Rumah Transit DUN** untuk membantu rakyat terkesan bencana atau kecemasan. Setakat ini, **9 unit telah siap**. Pada tahun depan, kita rancang menubuhkan 3 di DUN Ayer Molek, manakala 2 unit dalam proses pemilihan tapak.

Ketiga: Melalui Dana Hartanah Bumiputera Negeri Melaka, kerajaan menawarkan **Pinjaman Rumah Pertama sehingga 80 ribu ringgit** bagi pembelian atau pembinaan rumah pertama bagi **tempoh 20 tahun** dengan **kadar faedah 4 peratus setahun**; dan

Keempat: **Pinjaman Pendahuluan Deposit Pembelian Rumah** sebanyak **10 peratus daripada harga rumah**, dengan pinjaman **maksimum 18 ribu ringgit** bagi rumah berharga sehingga 180 ribu ringgit, pada **kadar faedah 3 peratus setahun** untuk **tempoh 3 tahun**.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

55. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan akan turut melaksanakan pelbagai projek kemudahan awam, antaranya:

Pertama: **Menaik taraf kemudahan pelancongan Sungai Punggor** dengan kos **2.4 juta ringgit**.

Kedua: **Menaik taraf infrastruktur antaranya pemasangan papan tanda nama jalan baharu dan**

penggantian lampu LED di Taman Melaka Perdana dengan kos **1.5 juta ringgit**.

Ketiga: **Melaksanakan pemasangan lampu di 9 lokasi tumpuan termasuk Masjid Tanah, Pulau Sebang, Durian Tunggal serta Kuala Sungai Baru; dan menambah kemudahan WiFi PERCUMA di kawasan Alor Gajah Sentral serta Pulau Sebang Sentral** dengan kos **360 ribu ringgit**.

Keempat: **Melaksanakan Projek Pembangunan Ekopelancongan Persisiran Sungai Kesang, Sungai Rambai** dengan kos sebanyak **4 juta ringgit**.

- 56.** Bagi meraikan rakyat Melaka yang pulang ke kampung halaman dan pengunjung yang bercuti pada musim perayaan, Kerajaan Negeri berbesar hati menyediakan **parkir PERCUMA pada Hari Raya Aidil Fitri selama 7 hari**, manakala perayaan **Deepavali, Tahun Baru Cina serta Krismas selama 2 hari di semua lot letak kenderaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** dengan implikasi kewangan sebanyak **1.7 juta ringgit**.
- 57.** Menyentuh hal ehwal peniaga pula, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap kelangsungan ekonomi para peniaga. Untuk itu, sukacita saya memperkenalkan **Skim MeSRa Penjaja** melalui inisiatif **Kawasan Penjaja Berpusat Dalam Komuniti** di lebih 12 lokasi strategik seluruh Melaka bagi menyediakan ruang niaga yang lebih teratur, bersih dan selesa.
- 58.** Skim ini turut dipanjangkan menerusi pelbagai projek demi memperkasa ekonomi golongan peniaga, antaranya:

- **Membina Pasar Besar Melaka Sentral** dengan kos **15 juta ringgit**;
- **Menaik taraf Pasar Masjid Tanah** dengan kos **45 ribu ringgit**;
- **Menambah jumlah MyKiosk**; serta
- **Menaik taraf bangunan Medan Selera di Pulau Besar** dengan kos **4 juta ringgit**.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

59. Kerajaan Negeri komited memacu ke arah negeri **teknologi hijau** dengan peruntukan **1 juta ringgit**, bagi menjamin kelestarian negeri antaranya:

- **Tenaga Boleh Baharu** seperti Skim Solar Perumahan Melaka (*SolarMel*);
- **Green Mobility** seperti pembangunan stesen pengecas kenderaan elektrik (EV);
- **Komuniti Hijau** seperti program Biodiesel Melaka, Singgit Seposen serta Ekspedisi Lestari; dan
- **Pembangunan Kapasiti Hijau**.

60. Kerajaan Negeri turut memberi penekanan kepada **perancangan bandar dan pembangunan mampan** melalui pelaksanaan **Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri Melaka** dan **Melaka Urban Observatory System**.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

61. Mutakhir ini, perubahan iklim semakin ketara. Hujan berintensiti tinggi dalam tempoh singkat serta ribut setempat yang kerap menambah tekanan kepada sistem saliran negeri.

62. Namun, kita tetap bersyukur... Melaka masih dilindungi daripada bencana banjir besar seperti yang berlaku di negara-negara jiran, iaitu Indonesia dan Thailand sehingga mengorbankan banyak nyawa.
63. Sungguhpun begitu, demi rakyat... Kerajaan Negeri mengangkat pengurusan mitigasi banjir sebagai fokus utama Bajet Negeri Melaka 2026 kerana keselamatan rakyat adalah amanah, bukan pilihan.
64. Atas dokongan Kerajaan Persekutuan melalui PETRA, Melaka menerima kelulusan pelaksanaan **8 Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB)** yang bernilai **1.46 bilion ringgit**, dijangka siap antara 2026 hingga 2030 merangkumi:
- 6 projek sedang dilaksanakan iaitu **RTB Alor Gajah Fasa 1, RTB Sungai Duyong, RTB Bandar Merlimau, RTB Bandar Jasin, RTB Krubong-Durian Tunggal dan RTB Sungai Putat.**
 - Manakala, 2 projek dalam peringkat reka bentuk, iaitu **RTB Sungai Melaka Fasa 1 dan RTB Sungai Baru.**
 - Kerajaan Negeri akan memohon peruntukan dalam *Rolling Plan* ke 2, RMK-13 untuk pelaksanaan Projek RTB Sungai Kesang, Daerah Jasin Melaka untuk mengatasi isu banjir di kawasan tersebut.
65. Kerajaan Negeri turut merencana **Pelan Mitigasi Banjir Jangka Pendek**, dengan peruntukan **11.7 juta ringgit**, meliputi:
- **Penyelenggaraan Pintu Kawalan Air Pasang Surut Klebang;**

- **Kerja pendalaman Pengkalan Nelayan Tanjung Dahan;**
dan
 - **Kawalan hakisan pantai di Pantai Siring dan Anjung Batu.**
- 66.** Ditambah juga dengan peruntukan **1.7 juta ringgit**, sebagai Peruntukan Mengurus bagi **kerja penyelenggaraan saliran dan tebing sungai**.
- 67.** Akhir sekali, Kerajaan Negeri juga melaksanakan usaha **menaik taraf parit dan longkang** melalui dana MARRIS sebanyak **15 juta ringgit**, khususnya di *hotspot* banjir. Saya yakin, ikhtiar ini pasti menjadikan ekosistem saliran negeri lebih lancar.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

TUMPUAN 3: PELANCONGAN, WARISAN, SENI DAN BUDAYA

- 68.** Selaras dengan aspirasi nasional Tahun Melawat Malaysia 2026, Kerajaan Negeri terus memperkukuh pelaksanaan **Tahun Melawat Melaka 2024 - 2026** sebagai pemangkin utama pertumbuhan ekonomi negeri.
- 69.** Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan, khususnya YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri, serta Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), atas kepercayaan memilih **Melaka sebagai tuan rumah Pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2026**.
- 70.** Tidak berhenti di situ, Melaka turut diberi penghormatan mewakili Malaysia sebagai lokasi **sambutan Hari Pelancongan**

Sedunia dan Persidangan Pelancongan Sedunia 2025 sehingga mencipta *Malaysia Book of Records* dengan penampilan **3,224 penari zapin** di pentas dunia.

- 71.** Lebih membanggakan, kejayaan ini diperkukuh dengan kehadiran lebih **14 juta pelancong** sehingga **Oktober 2025**, dengan **kadar penginapan hotel** mencecah **85 peratus**, khususnya pada hujung minggu. Sumbangan ekonomi pelancongan tahun ini turut melonjak kepada 14 bilion ringgit, merangkumi sektor perhotelan, makanan dan pelbagai aktiviti pelancongan.
- 72.** Bagi terus menjulang nama Melaka di pentas dunia, maka, **Tahun Melawat Melaka 2.0** bakal dilancarkan pada 31 Disember 2025 bersempena Ambang Tahun Baru 2026. MAAAAANA LAGI? MELAKA LER!
- 73.** Seiring itu, sektor pelancongan terus digerakkan melalui strategi baharu yang lebih agresif dan tersusun, bagi mencetuskan gelombang pengunjung yang disasarkan 19 juta orang pada tahun 2026 menerusi pelaksanaan lebih 220 **acara pelancongan** merangkumi **14 subsektor pelancongan**.
- 74.** Bagi memperluas penyertaan rakyat dalam arus pembangunan pelancongan, Kerajaan Negeri bersetuju memperkenalkan beberapa insentif baharu dibawah **Skim MeSRa Pelancongan** sebagai tarikan pelancong. Antaranya:

Pertama: **Tiket masuk PERCUMA ke lokasi pelancongan terpilih sempena 11 sambutan Hari Badan Beruniform dan Penjawat Awam**, sebagai tanda penghargaan Kerajaan Negeri terhadap jasa serta

komitmen anggota perkhidmatan awam yang menjadi tulang belakang pentadbiran negeri.

Penjawat awam boleh memilih 1 lokasi pelancongan, dan setiap **ahli keluarga** terdekat, iaitu suami atau isteri serta anak-anak turut menikmati **diskaun 50 peratus**. Tiket masuk PERCUMA ini boleh digunakan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh setiap sambutan tersebut.

Insentif ini memberi manfaat kepada kira-kira 20 ribu orang anggota penjawat awam, di samping keluarga masing-masing yang melibatkan implikasi kewangan berjumlah **1.7 juta ringgit**.

Kedua: **Kemasukan PERCUMA ke lokasi pelancongan bagi pengunjung dan pelancong yang lengkap berpakaian busana tradisional etnik Melaka pada setiap program Melaka Bila Larut Malam.**

Ketiga: Sempena ketibaan kapal pesiar *Genting Dream Cruise* pada setiap hari Isnin, Kerajaan Negeri berbesar hati menawarkan **kemasukan PERCUMA ke lokasi pelancongan negeri kepada pelancong antarabangsa yang lengkap mengenakan busana tradisional etnik Melaka.**

Keempat: Kerajaan Negeri juga memberi **Insentif khas dan Caruman PERKESO kepada 300 pengayuh beca** melibatkan implikasi kewangan sebanyak **200 ribu ringgit**.

Kelima: **Insentif Khas kepada lebih 50 Persatuan dan NGO Pelancongan** dengan peruntukan **300 ribu ringgit**.

Keenam: **Bantuan Dana Pelancongan kepada lebih 200 remaja** dengan peruntukan **500 ribu ringgit**.

Ketujuh: **Program Memperkasa dan Merakyatkan Adat serta Budaya di 28 DUN**, dengan peruntukan **500 ribu ringgit**.

75. Bagi tujuan pemeliharaan, kelestarian warisan serta pembangunan lain di kawasan Tapak Warisan Dunia Melaka Kerajaan Negeri memperkenalkan **World Heritage Conservation Fee** kepada pelancong luar negara pada kadar 60 ringgit dewasa dan 40 ringgit kanak-kanak.

76. Kerajaan Negeri juga akan terus membangunkan **produk pelancongan baharu** termasuk sektor pelancongan di luar bandar, antaranya:

Pertama: **Aspiring Melaka Geopark** yang disasarkan menerima pengiktirafan kebangsaan pada tahun 2026/2027.

Kedua: **Rumah Warisan Jawa** dibangunkan di Kampung Paya Dalam, Ayer Molek sebagai simbol kelestarian warisan komuniti tempatan.

Ketiga: **Pelaksanaan Perkhidmatan Pengangkutan Air Hop On Hop Off Sungai Melaka Fasa 2**.

Keempat: **Penubuhan Galeri Digital Melaka** sebagai platform interaktif mempersembahkan sejarah dan warisan negeri.

Kelima: **Pembangunan Produk Arkeotourism di Tapak UNESCO Melaka.**

77. Kerajaan Negeri Melaka menyambut baik tumpuan Kerajaan Persekutuan melalui RMK-13 yang menekankan pelaksanaan **Special Tourism Investment Zone (STIZ)** di 4 negeri terpilih, termasuk Melaka sebagai pemangkin kepada penciptaan produk baharu dan pengukuhan ekosistem pelancongan Melaka. Antaranya;

Pertama: **Pembangunan dan naik taraf di Zon Teras Tapak Warisan Dunia UNESCO Melaka.**

Kedua: **Kawasan pelancongan yang memerlukan peningkatan kualiti dan *upscaling* produk sedia ada** seperti Zon Pelancongan Ayer Keroh.

Ketiga: **Kawasan yang memerlukan pembangunan baharu dengan pelaburan berskala sederhana hingga besar**, contohnya Zon Ekonomi Pesisiran Pantai Selat Melaka (SM-WEZ) dengan cadangan pembangunan baharu yang berkonsepkan *Waterfront City*.

78. Saya yakin, **lebih 700 juta ringgit** diperuntukkan dalam Belanjawan negara 2026, termasuk **insentif pelepasan cukai sehingga seribu ringgit untuk pelancongan domestik** bakal

merangsang sektor pelancongan dan membuka peluang ekonomi baharu kepada pemain industri termasuk di Melaka.

79. Sementelahan itu, bagi meluruskan kebengkokan sejarah, **kehebatan Empayar Melaka abad ke-15 akan terus dikaji dan didokumenkan** sebagai warisan untuk generasi mendatang. Catatan mengenai keunggulan serta **ketokohan Laksamana Hang Tuah turut dipamerkan di Perkampungan Hang Tuah, Duyong**.
80. Sempena sambutan Hari Pelancongan Sedunia pada September lalu, negeri Melaka turut memperkenalkan **Enrique de Malaca** atau **Panglima Awang**, tokoh pelayar terawal yang mengelilingi dunia dan merupakan anak jati Melaka.
81. Pada masa yang sama, **Kajian Hubungan Melaka-China** dan **Kajian Sejarah Maritim Melaka sedang dijalankan** dan hasilnya **akan dipamerkan kepada umum pada tahun 2026**.
82. Selanjutnya, **kajian** juga diteruskan bagi menyingkap **Sejarah Kegemilangan Melaka Sebagai Pusat Penyebaran Agama Islam Abad Ke-15** berasaskan catatan sumber-sumber dari Nusantara merangkumi sumber dari Pattani, Riau, Aceh, Jawa, serta Minangkabau.
83. Baru-baru ini juga, **penemuan artifak dan rangka kapal purba** iaitu badan Jong Melaka, kepingan duit syiling dan serpihan porselin di kawasan berhampiran Pulau Melaka telah membuka lembaran baharu dalam membina naratif sejarah kegemilangan tamadun Kerajaan Melayu Melaka sekali gus meletakkan ia sebagai produk pelancongan arkeologi di negeri Melaka.

84. Sejajar dengan perubahan zaman, **pelancongan digital** akan diperkenalkan bagi meningkatkan dan mengubah pengalaman pelancong, antaranya:

Pertama: **Aplikasi Smart AI Tourism Negeri Melaka** yang akan dilancarkan sempena Pelancaran Tahun Melawat Melaka 2.0.

Kedua: **Melaka Digital Explorer Pass** iaitu kad pintar pelbagai kegunaan bagi menggalakkan transaksi tanpa tunai dan kutipan data pelancong.

Ketiga: **Sijil Warisan Asli Melaka** sebagai pengiktirafan rasmi kepada pengusaha warisan tempatan.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

TUMPUAN 4: KEMAJUAN DESA, PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

85. Bagi memastikan perkhidmatan kepada rakyat terus berkualiti hingga ke peringkat akar umbi, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan kepada **4,804 ahli Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung Baharu (JPKKB) serta 307 orang Sidang** seperti berikut:

Pertama: **Elaun MeSRa** berjumlah **3 juta ringgit** di samping sumbangan elaun sebanyak 4.3 juta ringgit daripada KKDW dan KPKT.

Kedua: **Program MeSRa Insurans Kesihatan dan Khairat Kematian** sebanyak **4.6 juta ringgit**.

Ketiga: **Tambahan Elaun MeSRa Sidang dan Saguhati Tamat Perkhidmatan Sidang** berjumlah **662 ribu ringgit**.

86. Di bawah **Skim MeSRa Komuniti Orang Asli** juga mendapat manfaat:

Pertama: **Program MeSRa Insurans Kesihatan kepada 60 ahli JPKK Orang Asli dan 36 orang Lembaga Adat Orang Asli** dengan implikasi kewangan **40 ribu ringgit**.

Kedua: **Bantuan MeSRa Anak Orang Asli** untuk perbelanjaan sekolah kepada 700 anak Orang Asli dengan implikasi kewangan **70 ribu ringgit**.

87. Sebagai usaha mewujudkan pusat pelestarian warisan dan identiti Orang Asli sepertimana Perkampungan Orang Maori di New Zealand, Kerajaan Negeri mencadangkan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) membangunkan **Perkampungan Budaya Orang Asli** di Malaysia. Sebagai negeri pelancongan yang turut mempunyai komuniti Orang Asli, Melaka dicadangkan sebagai lokasi yang sesuai untuk inisiatif ini.

88. Demi rakyat, **Kerajaan Negeri** juga menyediakan **peruntukan pembangunan** berjumlah **93 juta ringgit** bagi melaksanakan pelbagai projek fizikal dan bukan fizikal seperti:

Pertama: **8.8 juta ringgit** bagi tujuan **penyelenggaraan infrastruktur di setiap daerah**, meliputi kerja-

kerja pembaikan parit, longkang, jalan dan dewan komuniti.

Kedua: **13 juta ringgit** bagi **khidmat masyarakat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)**.

Ketiga: **71.2 juta ringgit** disalurkan bagi pelaksanaan **pelbagai projek** melalui jabatan dan agensi negeri.

89. Dalam pada itu, agihan peruntukan **Negeri** dan **Persekutuan** mengikut daerah bagi pelaksanaan **projek dan program pembangunan** dijangka menjadi pemangkin kemajuan setiap kawasan, dengan pecahan:

- **Daerah Melaka Tengah** berjumlah **408 juta ringgit**;
- **Daerah Alor Gajah** berjumlah **272 juta ringgit**;
- **Daerah Jasin** berjumlah **220 juta ringgit**; dan
- Peruntukan bagi projek yang **merentas daerah** berjumlah **206 juta ringgit**.

90. Bagi menjamin kelangsungan dan **keterjaminan bekalan makanan**, Kerajaan Negeri melaksanakan pelbagai program strategik termasuk:

Pertama: **Program Benih Padi dan Beras Melaka** berjumlah **300 ribu ringgit** bagi meningkatkan hasil serta kualiti pengeluaran. Lebih membanggakan, dari Mei hingga Ogos 2025, FAMA Melaka telah memasarkan 12,376 kampak 10 kilogram Beras Melaka dengan hasil pendapatan 321 ribu ringgit.

Kedua: **QR Tagging Ternakan Haiwan** berjumlah **343 ribu ringgit** bagi memperkukuh sistem pengesanan dan kawalan penyakit ternakan.

Ketiga: Peruntukan berjumlah **2.2 juta ringgit** disediakan di bawah **Jabatan Pertanian** bagi pelaksanaan pelbagai program, antaranya:

- **Program Perikanan;**
- **Pembangunan Industri Bernilai Tinggi;** dan
- **Pembangunan Industri Tanaman Makanan serta sistem fertigasi moden.**

Keempat: **1.1 juta ringgit** kepada **Jabatan Perkhidmatan Veterinar** bagi:

- **Projek Bantuan Baka Ternakan Bersubsidi;**
- **Projek Peningkatan Kesihatan Ternakan;**
- **Projek Penyelenggaraan Rezab Padang Ragut dan**
- **Pembelian Makanan Ternakan di *Sungai Rambai Agrotourism Park*.**

Kelima: Melalui **Skim MeSRa Nelayan**, **900 ribu ringgit** diperuntukkan di bawah **Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia** bagi:

- **Kerja-kerja Naik Taraf Bangsal Pukat Nelayan dan *Ramp* serta Lain-Lain Kerja Berkaitan di Pangkalan Nelayan Kuala Sungai Baru, Melaka;**
- **Bina Baharu Balai Nelayan Kuala Sebatu, Jasin; dan**

- **Kerja-kerja Naik Taraf Balai Nelayan dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Pangkalan Nelayan Kuala Merlimau, Daerah Jasin, Melaka;** serta
- **1.0 juta ringgit** disediakan untuk golongan **nelayan membeli peralatan** seperti jaring dan sebagainya.
- Dalam usaha mensejahterakan para nelayan, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan **projek akuakultur bagi memanfaatkan nelayan** yang terkesan akibat projek tambakan laut.

Keenam: **140 ribu ringgit** diperuntukkan untuk **Program Agro MADANI** kepada pihak FAMA untuk jualan barangan keperluan harian.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

TUMPUAN 5: SAINS, TEKNOLOGI, INOVASI DAN KOMUNIKASI DIGITAL

- 91.** Kita sedang berdiri di ambang sebuah era baharu di mana kekuatan sesebuah negeri diukur melalui inovasi dan teknologi masa depan.
- 92.** Dalam landskap ini, Melaka tidak sekadar menjadi pemerhati, sebaliknya negeri ini membuktikan kemampuannya apabila mencatatkan penyertaan tertinggi dalam *Malaysia Techlympic* seluruh negara sepanjang tahun 2025, dengan 509 ribu penyertaan.

93. Momentum ini terus diperkukuh apabila Melaka menjadi tuan rumah *Malaysia Techlympic* Kebangsaan, dengan kehadiran lebih 5 ribu peserta dari dalam dan luar negara, sekali gus melakar sejarah dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) bagi 2 kategori, iaitu:
- Penyertaan Terbesar bagi Pertandingan Berasaskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM); dan
 - Persembahan Terbanyak *Drone* di Dalam Bangunan.
94. Atas asas inilah, Kerajaan Negeri memperkenalkan *SMART MELAKA BLUEPRINT* sebagai dokumen hala tuju digital yang akan memacu transformasi negeri. Insya-Allah melalui kerangka ini, sebuah Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan dimeterai bagi membangunkan **Inisiatif Digital Melaka** bernilai **250 juta ringgit**.
95. Dalam pada itu, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** yang telah mencatat pencapaian cemerlang dalam **Penarafan Perbandaran Pintar Malaysia (*Smart City*)** bagi tahun 2025, iaitu:
- **Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)** mencapai **Tahap 2: *Developing Smart City***; dan
 - **Majlis Perbandaran Jasin (MPJ)** mencapai **Tahap 1: *Smart City Early Adopter***.
96. Manakala, **Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG)** dan **Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ)** pula telah meraih **Penarafan Bandar Pintar Tahap 1: *Smart City Early Adopter*** masing-masing pada tahun **2023 dan 2024**.

- 97.** Dengan pencapaian ini, kesemua PBT di Melaka kini telah menerima pengiktirafan sebagai Bandar Pintar, sekali gus membolehkan negeri Melaka diiktiraf sebagai salah sebuah negeri pintar di Malaysia.
- 98.** Bagi memperkasa penyampaian perkhidmatan awam beberapa inisiatif digital diperkukuh, antaranya:

Pertama: **Sistem E-mel Rakyat Negeri Melaka** diteruskan sebagai medium komunikasi rasmi dengan sasaran menjana 250 ribu akaun baharu, melibatkan pelajar, guru, penerima asnaf serta Ketua Isi Rumah (KIR) dalam Sistem Kampung Digital Melaka. Bagi tujuan ini, sebanyak **650 ribu ringgit** diperuntukkan bagi tahun 2026.

Sesi taklimat Sistem E-mel Rakyat akan diadakan semasa Konvensyen Khas Pendidikan Melaka pada 12 dan 13 Disember 2025 di MITC, Melaka.

Manakala, sebuah Sekolah Rendah Agama (SRA) JAIM akan dikenal pasti sebagai projek rintis, di mana sistem e-mel ini akan digunakan sebagai platform komunikasi rasmi antara guru dan ibu bapa.

Kedua: **500 ribu ringgit** disalurkan bagi penambahbaikan sistem **Kampung Digital Melaka**.

Sehingga kini, lebih 70 peratus daripada 72,394 rumah di seluruh negeri telah berdaftar di bawah inisiatif ini, termasuk 3,030 penduduk yang

menukar alamat dalam kad pengenalan mereka secara PERCUMA.

Ketiga : Melaka turut mengorak langkah sebagai negeri perintis dalam pengurusan tanah perkuburan secara digital menerusi inisiatif **Kubur Digital**. Melalui sistem ini, setiap plot kubur akan dinomborkan secara digital bagi memudahkan waris mengesan lokasi kubur ahli keluarga.

Keempat: Membangunkan **Sistem Pembelian Tiket Online Kompleks Falak Al-Khawarizmi**, yang dijangka mampu meningkatkan jumlah tempahan sehingga 40 peratus.

Kelima: Rangkaian **WiFi PERCUMA** diperluas dengan peruntukan **450 ribu ringgit**, meliputi kawasan ICQS Kota Laksamana, Sekolah Rendah Agama (SRA) dan tadika di bawah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), serta 9 buah Kampung Orang Asli.

99. Menyentuh perihal keselamatan siber, Laporan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka menunjukkan kerugian akibat jenayah siber telah mencecah 51.7 juta ringgit, 1 angka yang tidak boleh dipandang enteng.

100. Justeru, Kerajaan Negeri menubuhkan **JAWATANKUASA TASKFORCE JUDI DALAM TALIAN, INTERNET FRAUD DAN JENAYAH SIBER NEGERI MELAKA**, bagi menyelaraskan tindakan membanteras jenayah siber serta memperkukuh kawalan undang-undang digital.

- 101.** Setakat November 2025, sebanyak 144 program kesedaran telah dilaksanakan, 68 premis judi dalam talian dikenakan pemotongan elektrik, manakala 60 laman web yang berkaitan telah disekat.
- 102.** Seiring usaha membina ekosistem digital yang inklusif, sebanyak **300 ribu ringgit** diperuntukkan bagi meneruskan **Program MeSRa Rakyat Digital Melaka** yang akan memberi manfaat kepada 6,650 rakyat.
- 103.** Inisiatif ini terbukti mampu memperkasa kemahiran digital rakyat, sekali gus melahirkan generasi muda Melaka yang celik teknologi melalui pelbagai program, antaranya;
- **Pembangunan Belia Digital Melaka** yang memberi tumpuan kepada lebih 3 ribu belia Melaka; dan
 - **Penyediaan Smart TV di 13 buah sekolah termasuk SRA JAIM.**
- 104.** Transformasi digital turut disokong melalui inisiatif **Melaka Tanpa Tunai** hasil kerjasama dengan Payments Network Sdn. Bhd. (PayNet) yang menyasarkan penglibatan lebih 1,500 peniaga menjelang tahun hadapan.
- 105.** HAKIKATNYA, MATLAMAT KITA DI MELAKA JELAS, KITA TIDAK MAHU SEKADAR BERSEDIA MENGHADAPI MASA DEPAN, TETAPI MENJADI NEGERI YANG MEMBENTUK MASA DEPAN!

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

TUMPUAN 6: KERJA RAYA, INFRASTRUKTUR, KEMUDAHAN AWAM DAN PENGANGKUTAN

- 106.** Bagi memastikan pembangunan Melaka terus bergerak seiring aspirasi negeri maju, tumpuan besar diberikan kepada usaha meningkatkan prasarana dan infrastruktur, yang menjadi nadi penghubung rakyat serta pemangkin utama pertumbuhan ekonomi negeri.
- 107.** Seiring komitmen Kerajaan Negeri dalam memperkukuh jaringan perhubungan, Melaka menyambut baik kelulusan Kerajaan Persekutuan bagi pelaksanaan projek **West Coast Expressway (WCE)** atau dikenali sabagai Projek Lebuhraya Pantai Barat (Hubungan Selatan), yang merentasi 4 negeri bermula dari Banting, Selangor melalui Negeri Sembilan seterusnya merentasi Melaka dari Masjid Tanah hingga Jasin sebelum berakhir di Gelang Patah, Johor.
- 108.** Projek ini kini berada pada fasa Kajian Kebolehlaksanaan dan dijangka menjadi *catalyst* pembangunan sosioekonomi serta peningkatan aksesibiliti di sepanjang jajaran WCE di negeri Melaka.
- 109.** Saya juga menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Kerajaan Persekutuan** atas kelulusan **16 projek utama** berjumlah **53.7 juta ringgit** di bawah peruntukan **Kementerian Kerja Raya (KKR)** dan **Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)** bagi projek seperti:
- **Naik Taraf Persimpangan Paya Rumput di Daerah Melaka Tengah;**

- **Kerja Awalan Menaik Taraf Jalan Sungai Udag ke Masjid Tanah, Melaka Tengah serta Alor Gajah;** dan
- **Pembinaan Jalan dari Persimpangan Rim ke Persimpangan Kampung Ulu Jasin di daerah Jasin.**

110. Kerajaan Negeri pula menyalurkan **6.9 juta ringgit** bagi pelaksanaan **11 projek** strategik di peringkat daerah, antaranya:

- **Naik Taraf Persimpangan Jalan Duyong (Duyong Bestari dan IKS Duyong) bagi Melaka Tengah;**
- **Naik Taraf Bulatan Lubok Cina di Alor Gajah;** dan
- **Naik Taraf Persimpangan Jalan Chohong – Nyalas di Jasin.**

111. Sementara itu, penyelenggaraan jalan negeri, jalan kampung, perbandaran dan jalan ladang akan terus dipertingkatkan melalui peruntukan MARRIS, berjumlah 130 juta ringgit.

112. Bagi melengkapkan rangkaian laluan yang lebih selamat, demi rakyat untuk rakyat, maka.... Kerajaan Negeri memperuntukkan **5 juta ringgit** untuk **pemasangan lampu jalan di kawasan gelap** sepanjang jalan negeri di seluruh Melaka.

113. Bagi memastikan sumber bekalan air yang stabil dan berkualiti, kerajaan komited melaksanakan projek-projek utama termasuklah:

Pertama: **Projek Bekalan Air Baharu** dengan kos keseluruhan berjumlah **909.7 juta ringgit** telah mula dilaksanakan, iaitu **Projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Melaka, TAPS Jernih,**

Projek Penyaluran Air Mentah dari Sungai Kesang dan Tasik Biru ke Empangan Jus.

Kedua: **Kajian Menyeluruh Sumber Bekalan Air Mentah** dengan kos **2 juta ringgit**, kini telah selesai tender pada September 2025.

Ketiga: **Kajian Kemungkinan Terperinci dan Reka Bentuk Kerja-Kerja Menaik Taraf Empangan Durian Tunggal**, melibatkan **5 juta ringgit** telah mula kerja pada September 2025.

114. Bagi memperkukuh keberkesanan sistem pengangkutan dan memastikan mobiliti rakyat sentiasa terjamin, beberapa langkah sokongan turut dilaksanakan di bawah **Skim MeSRa Bantuan Mobiliti**, antaranya:

- **Program MeSRa Lesen Motosikal PERCUMA**, memberi manfaat kepada 500 pelajar daripada keluarga B40 dan 500 individu OKU melibatkan kos keseluruhan **350 ribu ringgit**; dan
- **Program MeSRa Caruman PERKESO Pemandu Kereta Sewa dan Teksi**, dengan peruntukan berjumlah **100 ribu ringgit**.

115. Kerajaan Negeri terus memberi tumpuan kepada pembangunan sektor logistik dan maritim melalui *Straits Melaka Waterfront Economic Zone (SM-WEZ)* sebagai *Future Maritime City*, selaras dengan visi menjadikan Melaka hab perdagangan dan pelabuhan antarabangsa di rantau ini.

116. Di bawah Pelan Induk SM-WEZ terdapat **4 pelabuhan utama** akan menjadi infrastruktur sokongan yang mampu menarik lebih banyak pelaburan ke negeri ini, antaranya:

- ***Melaka Straits International Port;***
- ***Multipurpose Deep Seaport;***
- ***Kuala Linggi International Port;*** dan
- **Jeti *Terminal Cruise* di Pulau Melaka**, di mana kerja-kerja pembinaannya dijadual bermula pada tahun hadapan.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

MATLAMAT 2: MENSEJAHTERAKAN RAKYAT DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

117. Sepanjang lebih 2 tahun saya diamanahkan untuk menerajui kepimpinan negeri ini, saya menyaksikan sendiri denyut nadi rakyat... suka dan duka, harapan serta cabaran yang mereka hadapi. Atas sebab itu, saya bersama seluruh barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bersungguh-sungguh menyantuni kebajikan rakyat hingga ke akar umbi.

118. MENGAMBIL SEJENAK PERHATIAN DEWAN YANG MULIA INI, MARILAH KITA SAKSIKAN PAPARAN VIDEO RINGKAS INI.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

TUMPUAN 7: PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN KOMUNITI

Belayar sepakat mencari ikan,
Bawa bersama jala dan pukot;
Bersatu hati perkasa kebajikan,
Tandanya Kasih, Sayangi Rakyat.

119. Melaka Sayang Rakyat... Demi Rakyat Untuk Rakyat... Inilah tekad kita... terus berdiri bersama 1.05 juta rakyat Melaka demi memastikan tiada rakyat yang tercicir mahupun terpinggir daripada menikmati kemakmuran negeri. INILAH SEMANGAT MeSRa... *FROM CRADLE TO GRAVE*, SETIAP RAKYAT MENDAPAT PERHATIAN DAN BANTUAN KERAJAAN.

120. **Kerajaan Persekutuan** menyalurkan sebanyak **156.5 juta ringgit** kepada 27,358 penerima manfaat di seluruh negeri.

121. Menyusuli usaha ini, Kerajaan Negeri turut menyalurkan pelbagai bentuk bantuan menerusi **Skim MeSRa** bagi menjangkau golongan yang memerlukan, antaranya:

- **Bantuan MeSRa Am** kepada 2,940 penerima daripada golongan miskin berjumlah **11.4 juta ringgit**;
- **Bantuan MeSRa Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin** disediakan untuk 1,076 keluarga yang terlibat dalam kerja pembersihan surau, masjid dan tanah perkuburan dengan peruntukan sebanyak **5 juta ringgit**;
- **Bantuan MeSRa Lampin Pakai Buang Dewasa** kepada 3,179 penerima berjumlah **2.1 juta ringgit**;
- **Bantuan MeSRa Susu Orang Terlantar** kepada 380 penerima dengan peruntukan **1.7 juta ringgit**; dan
- **Bantuan MeSRa Pengurusan Jenazah B40** berjumlah **200 ribu ringgit** bagi meringankan kos pengurusan jenazah golongan B40.

122. Usaha memperkasa golongan rentan turut dizahirkan kepada 37,356 Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Melaka. Maka, Kerajaan Negeri memperuntukkan **650 ribu ringgit** merangkumi:

Pertama: **Program MeSRa OKU** untuk atlet para SUKMA;

Kedua: **Latihan kemahiran PERCUMA untuk OKU di Pusat Latihan Kemahiran OKU Negeri Melaka (PULAKOM) dan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Seri Malindo** merangkumi bidang jahitan, sulaman dan percetakan.

Ketiga: **Penambahbaikan Peralatan Pemulihan Dan Fisioterapi di Pusat Terapi OKU di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK).**

Keempat: **Pertandingan Sukan dan Bakat OKU Negeri Melaka** yang diselaras oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

123. Perhatian kerajaan turut merangkumi kesejahteraan 106,900 warga emas Negeri Melaka. Menjelang 2030, Malaysia dijangka menjadi negara tua dengan 15 peratus penduduk berumur 60 tahun ke atas.

124. Berdasarkan keperluan itu, serta mengambil kira keadaan Rumah Seri Kenangan Cheng yang kini telah mencapai kapasiti maksimum menempatkan 130 orang penghuni, Kerajaan Negeri sedang meneliti **KAJIAN PENUBUHAN PUSAT JAGAAN WARGA EMAS**, bagi mengisi kekosongan sokongan jangka panjang di negeri ini.

125. Tambah lagi, menyedari hakikat inilah... Kerajaan Negeri buat julung kalinya akan menganjurkan **MAJLIS PENGIKTIRAFAN KANAK-KANAK, OKU DAN WARGA EMAS** sebagai manifestasi penghargaan kepada golongan ini.

- 126.** Beralih kepada agenda pembangunan wanita, Kerajaan Negeri menyanjung tinggi jasa dan peranan para Srikandi yang terus menjadi nadi keluarga, benteng kasih sayang dan tonggak kekuatan masyarakat.
- 127.** Untuk itu, sebanyak **500 ribu ringgit** diperuntukkan bagi melaksana **PROGRAM WANITA INSPIRASI MELAKA**; satu wadah memperkasa kepimpinan, memperluas pendidikan, memperkukuh keselamatan sosial serta memperteguh advokasi menentang keganasan rumah tangga.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

TUMPUAN 8: BELIA, SUKAN DAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

- 128.** Tatkala kita berbicara tentang masa depan negeri, hakikatnya, kita sedang menyingkap peranan belia, generasi pewaris, penerus dan pembentuk masa depan Melaka.
- 129.** Menyedari kepentingan suara dan aspirasi anak muda dalam arus pembangunan negeri, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Dewan Belia Negeri Melaka, sebuah inisiatif strategik yang mengarusperdanakan pandangan generasi muda dalam tadbir urus negeri secara berstruktur dan inklusif. **TAHNIAH KEPADA 33 ORANG AHLI DEWAN BELIA NEGERI MELAKA YANG TELAH DILANTIK!**
- 130.** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Persidangan Pertama Dewan Belia yang berlangsung pada Ogos lalu, 11 usul dan cadangan telah dibentang meliputi hal ehwal perumahan, kerjaya, dasar kerajaan tempatan serta pembangunan komuniti

yang sebahagian besarnya kini telah diterjemah dalam Bajet Negeri Melaka 2026.

- 131.** Maka, saya menyeru setiap Ahli Dewan Belia menggunakan wadah rasmi ini dengan penuh amanah dan tanggungjawab demi membentuk hala tuju negeri yang lebih makmur dan sejahtera.
- 132.** Bagi memperkukuh pembangunan belia secara menyeluruh, di bawah inisiatif **Program MeSRa Belia, 500 ribu ringgit** diperuntukkan bagi pelaksanaan Dewan Belia Negeri Melaka, Townhall Anak Muda Melaka, Program Agro Belia serta pelbagai program pemeraksanaan belia di peringkat akar umbi.
- 133.** Selain itu, sejumlah **200 ribu ringgit** diperuntukkan bagi **Program Integrasi Belia Sarawak, Johor, Sabah dan Melaka** yang akan dianjurkan di bumi bertuah ini pada Oktober 2026, sebagai simbol semangat perpaduan rentas negeri dan aspirasi kebangsaan generasi muda.
- 134.** **Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Persekutuan** turut komited menyediakan **kemudahan sukan**, dengan peruntukan berjumlah **10.9 juta ringgit**. Antara projek utama yang dilaksanakan termasuklah:
- **Naik Taraf Dewan Badminton Majlis Sukan Negeri;**
 - **Naik Taraf Kemudahan Fasiliti Sukan;**
 - **Bina Baharu Lapang Sasar Memanah di Ayer Keroh;** dan
 - **Pembaikan Kemudahan Sukan Komuniti di setiap DUN.**
- 135.** Lanjutan daripada itu, sebanyak **1.2 juta ringgit** diperuntukkan bagi memperkasa amalan gaya hidup aktif dalam kalangan rakyat melalui pelbagai program, antaranya:

- **E-Sport Melaka;**
- **Sukan Mahasiswa;**
- **Sukan Tradisional** seperti Dam Aji dan Konda Kondi dan banyak lagi.

136. Kerajaan Negeri memperuntukkan **2.5 juta ringgit** bagi melaksanakan **PROGRAM PEMBANGUNAN SUKAN**, khusus bagi **persediaan menghadapi Temasya Sukan Malaysia (SUKMA)**.

137. Pada kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Toh Ee Wei, Aaron Chia, Tan Cheong Min, Hafiq Mohd Jafri dan Muhammad Raqib Darwis yang telah mengharumkan nama Melaka serta Malaysia di persada dunia.

138. Tahniah juga diucapkan kepada Aaron Chia, atlet badminton beregu negara dan Tan Cheong Min, atlet wushu, yang telah dianugerahkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Negeri Melaka sempena Anugerah Sukan Melaka kali ke-39.

139. Sesungguhnya, Kerajaan Negeri akan terus komited membangunkan bakat dan kepimpinan belia agar lebih ramai wira dan wati masa depan lahir dari bumi Hang Tuah ini.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

TUMPUAN 9: KESIHATAN, SUMBER MANUSIA DAN PERPADUAN

140. Kerajaan Negeri sentiasa menegaskan bahawa kesihatan adalah asas kehidupan berkualiti dan pemangkin kemajuan negeri serta negara. Justeru, pembangunan infrastruktur kesihatan

terus diperkukuh bagi menyediakan prasarana terbaik demi menjamin kesejahteraan rakyat.

141. Setinggi-tinggi penghargaan dizahirkan kepada **Kerajaan Persekutuan** atas kelulusan 6 projek baharu, termasuk 15 projek sambungan dengan keseluruhan **kos** berjumlah **966 juta ringgit**, serta siling peruntukan tahun **2026** sebanyak **49.4 juta ringgit**. Antaranya;

- **Pembinaan Blok Tambahan Klinik Kesihatan Peringgit;**
- **Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) Cheng;**
- **Kerja Awalan Blok Tambahan Hospital Jasin;** dan
- **Menaik taraf Dewan Bedah Kedua Hospital Alor Gajah.**

142. Seiring tekad “DEMI RAKYAT UNTUK RAKYAT”, Kerajaan Negeri memperuntukkan **4.4 juta ringgit** dibawah **Skim MeSRa Kesihatan Awam**, seperti;

Pertama: **Program MBIO Sihat**, saringan kesihatan PERCUMA bagi pengesanan awal 3 kanser utama dan penyakit tidak berjangkit kepada 3,750 penerima Melaka berumur 40 tahun ke atas.

Kedua: **Program MeSRa Ambulans**, iaitu perkhidmatan khas *door-to-door* untuk pesakit terlantar dalam kalangan keluarga B40. Sehingga 31 Oktober 2025, sebanyak 1.62 juta ringgit telah dibelanjakan bagi menampung kos operasi perkhidmatan ini. Menyedari pentingnya perkhidmatan ini kepada golongan berkeperluan tinggi, Kerajaan Negeri terus meningkatkan peruntukan kepada **2.5 juta ringgit** bagi tahun 2026.

Ketiga: **Program Pencegahan Dadah: Say No to Drugs** dengan peruntukan **100 ribu ringgit** kepada Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Melaka. Usaha ini bukan sekadar retorik. Melaka berjaya mencatat penurunan 13.3 peratus kes penyalahgunaan dadah berbanding tahun 2024.

Keempat: **Program Jom Sihat dan K-Mindset Melaka Style!** berjumlah **200 ribu ringgit** diperuntukkan bagi memperkukuh pelaksanaan Agenda Nasional Malaysia Sihat dan membentuk mindset proaktif.

Kelima: **Program MyMAT Komuniti dan Peluasan Nyamuk Aedes BerWolbachia** berjumlah **100 ribu ringgit** sebagai langkah tegas menangani peningkatan kes denggi di beberapa daerah.

Keenam: Kerajaan Negeri berbesar hati meneruskan **Tabung Bantuan Dialisis Negeri Melaka** dengan peruntukan **100 ribu ringgit**, memanfaatkan seramai 271 penerima. Inisiatif ini menzahirkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memastikan rakyat yang memerlukan terus mendapat rawatan dialisis berkualiti tanpa sebarang beban kos.

143. Sebagai tekad memastikan akses kecemasan yang lebih cepat dan berkesan kepada rakyat. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) buat julung kali bakal melancarkan inisiatif **1 PBT 1 Ambulans** pada 22 Disember 2025 ini.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

144. Menyedari kepesatan teknologi masa ini, Kerajaan Negeri bertindak proaktif menumpukan kepada pembangunan modal insan sebagai nadi kemajuan negeri.
145. Lantaran itu, Kerajaan Negeri memperkasa kerjasama bersama PERKESO melalui **Karnival Kerjaya Melaka 2026** bagi memperkukuh pasaran buruh negeri dengan peruntukan **70 ribu ringgit**.
146. Usaha ini turut diperhebat dengan transformasi program-program pembangunan bakat daripada Kerajaan Persekutuan, seperti program **Melaka Next Generation Workforce for Youth, Projek Inovasi Sosial Melaka (PRISMA) 2026** dan **KESUMA Bersama Rakyat**, sebagai pemangkin kepada tenaga kerja masa depan yang lebih berdaya saing.
147. Seiring itu, **Program Komuniti Perpaduan Melaka** terus menjadi teras keharmonian rakyat Melaka dengan peruntukan berjumlah **300 ribu ringgit**.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

TUMPUAN 10: PENDIDIKAN, PENGAJIAN TINGGI DAN HAL EHWAL AGAMA

148. Memetik pesanan Ibnu Khaldun, “ilmu adalah asas kepada kemajuan tamadun dan penguasaan ilmu yang pelbagai adalah kunci kepada pembangunan sosial dan ekonomi”. Kata-kata ini bukan sekadar sejarah, tetapi menjadi kompas hala tuju pendidikan negeri Melaka.

149. Justeru, Kerajaan Negeri memperkukuh tekad menempatkan pendidikan sebagai teras pembinaan generasi berilmu, berkemahiran dan berdaya saing, yang mampu memacu inovasi, ekonomi dan masa depan negeri.

150. Kecil tapak tangan, seluas lautan Melaka tadahkan... Kerajaan Negeri amat menghargai komitmen **Kerajaan Persekutuan** melalui peruntukan sebanyak **225 juta ringgit** bagi **pembangunan infrastruktur pendidikan**. Antaranya;

Pertama: **Pembinaan Semula Bangunan Daif dan Bangunan Tambahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Ghafar Baba, Alor Gajah.**

Kedua: **Pembinaan Kolej Tingkatan Enam di Daerah Melaka Tengah.**

Ketiga: **Pembangunan Bangunan Fakulti Kecerdasan Buatan dan Keselamatan Siber di Kampus Induk UTEM, Durian Tunggal.**

151. Meneruskan fokus pembangunan infrastruktur pendidikan, **Skim MeSRa Pendidikan** diperkenalkan bagi menyuntik minat anak Melaka menjadi generasi bijak STEM dengan peruntukan **100 ribu ringgit** bagi pelaksanaan Pemerkasaan STEM Melaka. Usaha ini melibatkan **naik taraf makmal sains di Sekolah Menengah Arab Assaiyidah Khadijah**, iaitu Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

152. Demi rakyat untuk rakyat, pentadbiran ini tekad memperkasa mutu pendidikan anak-anak Melaka dari awal kehidupan hingga ke menara gading melalui 6 inisiatif utama:

Pertama: **Program MeSRa Pendidikan Bayi**, menyediakan simpanan awal dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dengan peruntukan **200 ribu ringgit**.

Sebagai penghargaan istimewa, saya mengumumkan **insentif khas kepada bayi yang dilahirkan pada hari pembentangan Bajet** ini akan menerima **150 ringgit**, yang akan disalurkan melalui akaun SSPN.

Kedua: **Program MeSRa Pendidikan Tuisyen PERCUMA SPM dan STPM** memperuntukkan **200 ribu ringgit**.

Ketiga: **Program MeSRa Pendidikan SPM** untuk program kecemerlangan calon SPM dengan peruntukan **700 ribu ringgit**;

Keempat: **Program MeSRa Pendidikan STPM** untuk program kecemerlangan calon STPM dengan peruntukan **70 ribu ringgit**;

Kelima: **Program MeSRa Pendidikan Ijazah**, insentif 1 ribu ringgit untuk anak Melaka yang memperoleh Ijazah Kelas Pertama di IPTA dalam negara dengan peruntukan **200 ribu ringgit**; **DAN**

Keenam: **Program MeSRa Pendidikan Tahfiz**, insentif 3 ribu ringgit untuk setiap sekolah tahfiz berdaftar di bawah Jabatan Agama Islam

Melaka (JAIM), dengan peruntukan **303 ribu ringgit**.

153. Usaha memperhebat pendidikan negeri turut diperluas dengan **Bantuan MeSRa Pendidikan TAPeM**, melalui Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPeM), dengan memperuntukkan **15 juta ringgit** merangkumi Bantuan Pelajar Sekolah Rendah, Biasiswa Melaka untuk pelajar sekolah menengah, serta Dermasiswa Pengajian Islam dalam dan luar negara, termasuklah menyokong beberapa inisiatif lain, antaranya:

- **Bantuan MeSRa Pendidikan Mahasiswa Anak Melaka** berjumlah **240 ribu ringgit** kepada Mahasiswa Anak Melaka di luar negara, serta 20 Persatuan Mahasiswa Anak Melaka di Institusi Pengajian Tinggi; dan
- **Program MeSRa Pendidikan STEM**, sebagai insentif kecemerlangan anak Melaka dengan peruntukan **275 ribu ringgit**.

154. Pendek kata, setiap anak Melaka tidak kira apapun latar belakang kaum tetap disantuni TAPeM untuk melanjutkan pelajaran dan mengubah masa depan keluarga.

155. Sehingga November 2025, sejumlah 41.5 juta ringgit melibatkan 5,376 peminjam masih tertunggak bagi tempoh antara 6 hingga 120 bulan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri menyeru kepada yang masih belum melunaskan bayaran, segeralah berurusan dengan TAPeM untuk generasi baharu yang juga mendambakan peluang yang sama.

156. Sebagai kerajaan yang sayangkan masa depan anak muda, pentadbiran ini menawarkan **insentif dan diskaun bayaran balik pinjaman**:

Pertama: **Diskaun 30 peratus bagi peminjam yang membuat penyelesaian penuh pinjaman bermula Januari sehingga April 2026.**

Kedua: **Diskaun 15 peratus bagi peminjam yang membuat bayaran minimum 50 peratus daripada baki pinjaman bermula Januari sehingga April 2026.**

Ketiga: **Hadiah Cabutan Bertuah untuk bayaran balik yang konsisten sepanjang tahun 2026.**

- 157.** Adat meminjam, pulangkanlah kerana pada pulangan itulah tersambung rezeki dan masa depan generasi baharu. Apapun, kepada **peminjam yang masih belum melunaskan pembayaran, tindakan sekatan ke luar negara** dan juga **sekatan mendapat perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri** akan diperketat, seperti pembelian rumah, urusan tanah dan juga permohonan lesen perniagaan daripada pihak PBT.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

- 158.** Kerajaan Negeri teguh memayungi usaha membina masyarakat yang bukan sahaja mencintai ilmu, tetapi membudayakan ketinggian akhlak dan sahsiah sebagai pedoman membentuk sebuah negeri yang beradab dan bermaruah.
- 159.** Atas asas itu, sebanyak **750 ribu ringgit** diperuntukkan bagi mengerakkan inisiatif-inisiatif berimpak tinggi yang dapat menyuburkan pemikiran, membina karakter dan memupuk nilai murni dalam kalangan rakyat Melaka. Antaranya;

Pertama: **Pertandingan Bercerita Cerita Rakyat Tempatan.**

Kedua: **Program Pembangunan Pemimpin Pelapis.**

Ketiga: **Pertandingan Pidato Rukun Negara Peringkat Kebangsaan Piala TYT.**

Keempat: **3 program** yang akan diselenggarakan oleh **Universiti Islam Melaka (UNIMEL)** iaitu:

- ***Human Capital: Heritage and Hospitality;***
- **Pembudayaan Akhlak dan Sahsiah Pelajar;**
serta
- **Program Persekitaran Sekolah Selamat.**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

160. Memartabatkan syiar Islam kekal menjadi iltizam Kerajaan Negeri sejajar dengan kata-kata Imam Al-Ghazali bahawa *“Ilmu tanpa amal bagaikan pohon tanpa buah”*.

161. Tatkala dunia bergerak ke arah kosmopolitan, jati diri Islam terus menjadi sandaran utama. Maka, setiap inisiatif dirangka adalah berlandaskan syiar Islam bagi mengangkat martabat institusi agama.

162. Lantas... bajet 2026 ini memperuntukkan **79.98 juta ringgit** bagi **perbelanjaan pengurusan** dan **12.35 juta ringgit** bagi **perbelanjaan pembangunan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)**, yakni antara peruntukan TERBESAR diterima oleh jabatan di bawah pentadbiran negeri Melaka sebagai sokongan strategik kepada pembangunan hal ehwal Islam. Misalnya;

- **Membina Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Tadika JAIM Pasir Putih Bachang;**
- **Membina SRA Sungai Udang;** dan
- **Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil SRA, SABK dan Tadika, Masjid dan Surau seluruh negeri Melaka.**

163. Laginya, sebagai kasih kepada jasa guru-guru KAFA, sukacitanya dewan ini mengumumkan kenaikan **elaun Guru KAFA dan TADIKA JAIM** kepada 1,700 ringgit serta meneruskan **Inisiatif MeSRa Elaun Cuti Bersalin** kepada guru wanita.

164. Begitu juga, pentadbiran ini berbesar hati **MENERUSKAN Program MeSRa Pendidikan TADIKA JAIM** dengan insentif 100 ringgit kepada setiap pelajar bagi membiayai sebahagian yuran pendaftaran yang memberi manfaat kepada 3,600 pelajar membabitkan peruntukan kewangan **360 ribu ringgit.**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

165. **Kutipan zakat** tahun 2026 dijangka terus melonjak 5.9 peratus kepada **162 juta ringgit**, sekali gus mencatat rekod baharu dan menzahirkan kepercayaan rakyat terhadap kepentingan syiar Islam.

166. Sebagai usaha memupuk budaya tanggungjawab sosial, inisiatif **galakan potongan kutipan zakat kepada penjawat awam** akan diteruskan, dan dijangka menyumbang sebanyak 30 peratus kepada jumlah kutipan zakat negeri pada tahun 2026.

167. Seiring tekad untuk mengembalikan hasil negeri kepada rakyat, Kerajaan Negeri juga bersetuju meningkatkan kadar bantuan

bagi asnaf fakir, miskin dan mualaf, daripada 50 ringgit sehingga 700 ringgit, dibawah **Skim MeSRa Asnaf**.

168. Agihan kutipan zakat kepada **8 golongan asnaf** yang berkelayakan turut diperkukuh dengan kenaikan kadar baharu menerusi 10 skim bantuan sedia ada, selain memperkenalkan 4 skim baharu pada tahun 2026. Antaranya;

- **Bantuan Syawal bagi asnaf fakir, miskin dan mualaf dinaikkan kepada 150 ringgit sebulan** dengan implikasi kewangan berjumlah **1.3 juta ringgit**;
- **Bantuan Saraan Anak Sekolah (BSAS) bagi asnaf miskin dinaikkan kepada 100 ringgit** dengan implikasi kewangan berjumlah **9.6 juta ringgit**;
- **Bantuan Ramadan bagi asnaf miskin dinaikkan kepada 300 ringgit**, dengan implikasi kewangan berjumlah **2.4 juta ringgit**;
- **Bantuan Khairat Kematian bagi asnaf fakir dinaikkan kepada 1,500 ringgit dan asnaf miskin dinaikkan kepada 350 ringgit**, dengan implikasi kewangan berjumlah **61 ribu ringgit**; dan
- **Bantuan Sakit Kronik bagi asnaf miskin dan asnaf mualaf dinaikkan kepada 300 ringgit**, dengan implikasi kewangan berjumlah **4.4 juta ringgit**.

169. Seterusnya, **4 bantuan baharu** di bawah **Skim MeSRa Asnaf** dirangka khusus untuk memperluas perlindungan sosial dan meningkatkan kesejahteraan asnaf secara lebih menyeluruh, antaranya;

- **Bantuan Simpanan Pelajaran Anak Asnaf Bagi Asnaf Fakir Dan Miskin** dengan implikasi kewangan **60 ribu ringgit**;

- **Bantuan Rawatan Berkala (Luar Negeri) Bagi Asnaf Ibnu Sabil** dengan implikasi kewangan **360 ribu ringgit**;
- **Pembantu Amil Bagi Asnaf Amil**, dengan memperuntukkan **14 ribu ringgit**; dan
- **Bantuan Bina Rumah Asnaf Bagi Asnaf Miskin**, berjumlah **240 ribu ringgit**.

170. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri komited memastikan institusi masjid dan surau kekal sebagai pusat penggerak komuniti. Justeru, sokongan ini akan terus diperkukuh dengan **Skim MeSRa Komuniti Masjid**, melalui inisiatif **Mengimarahkan Masjid dan Surau di Negeri Melaka**, dengan peruntukan **1.7 juta ringgit** bagi aktiviti **Ihya' Ramadan**.

171. Tidak terhenti disitu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Melaka (MAIM), juga menyediakan **elaun** sebanyak **576 ribu ringgit** kepada **Penggali Kubur Masjid Kariah Negeri Melaka**, sebagai penghargaan terhadap jasa dan bakti mereka.

172. Menjengah ke hadapan, ikhtiar syiar Islam terus disemarakkan melalui **pelbagai program keilmuan, pembangunan institusi agama serta inisiatif kebajikan ummah**, antaranya:

- **Karnival Falak Kebangsaan**;
- **Penerbitan Buku Tokoh Ulama Negeri Melaka**;
- **Penerbitan Fatwa-Fatwa Negeri Melaka Tahun 2014 hingga 2025**; dan
- **Pembangunan Sistem E-Tauliah Mengajar Agama Negeri Melaka**.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

TUMPUAN 11: PEMBANGUNAN USAHAWAN, KOPERASI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

173. Kerajaan Negeri terus memacu landskap keusahawanan Melaka sebagai platform dinamik bagi pertumbuhan perniagaan dan pemerkasaan usahawan tempatan menerusi pelbagai inisiatif strategik, antaranya;

Pertama: **Program Pembangunan Usahawan** berjumlah **300 ribu ringgit** yang akan memberi tumpuan kepada perniagaan *online*.

Kedua: **Anugerah Usahawan**, berjumlah **160 ribu ringgit**.

Ketiga: **Program Jelajah Usahawan Mana Lagi... Melaka Ler**, **300 ribu ringgit** bagi pemasaran di dalam dan luar negara.

Keempat: **Festival Layang-Layang Antarabangsa dan Karnival Usahawan Negeri Melaka** berjumlah **150 ribu ringgit**.

174. Atas segalanya... sebagai penghargaan kepada golongan peniaga dan usahawan.... hari ini... saya undang khas ke dewan yang mulia ini iaitu saudara Rujahan, saudara Firdaus dan saudara Khairil mewakili golongan peniaga yang sama-sama membantu meningkatkan pembangunan ekonomi negeri Melaka. Ayuh... kita beri tepukan buat mereka!

175. Dengan ini... sukacitanya Kerajaan Negeri menghadiahkan **sewaan PERCUMA selama SEBULAN** pada 2026 kepada semua

penyewa di **premis perniagaan** yang dimiliki oleh keempat-empat **Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi, serta Anak Syarikat Kerajaan Negeri Melaka.**

- 176.** Dalam pada itu, kesinambungan kepada **Program Pemerkasaan Koperasi** sedia ada memperuntukkan **300 ribu ringgit** untuk pembangunan koperasi kluster mikro dan kariah masjid.
- 177.** Baru-baru ini, saya berkesempatan merasmikan sebuah **Pusat Sehenti Usahawan** yang julung kali diwujudkan di negeri Melaka. **Lebih 10 agensi dihindungkan** di pusat ini sebagai *one stop center* yang akan membuka dimensi lebih luas dalam ekosistem keusahawanan tempatan.
- 178.** Kerajaan juga berterima kasih kepada Belanjawan MADANI 2026 yang turut menekankan **pemeriksaan usahawan tempatan** melalui **pelbagai skim pinjaman dan jaminan** berjumlah **50 bilion ringgit**, termasuk pinjaman mikro dan dana pembiayaan bagi menyokong perusahaan koperasi.
- 179.** Kerajaan Negeri menyeru seluruh rakyat Melaka untuk memanfaatkan peluang ini, meningkatkan daya saing perniagaan, dan menyemarakkan ekonomi tempatan secara berterusan

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

TUMPUAN 12: PEMBANGUNAN TVET

- 180.** Kerajaan Negeri Melaka terus memperkukuh agenda pendidikan teknikal dan latihan vokasional melalui pelbagai

program strategik di bawah **Inisiatif MeSRa Pembangunan TVET** meliputi:

Pertama: **Pengurusan Majlis TVET Negeri Melaka** berjumlah **1 juta ringgit**.

Kedua: **Program TVET Falak dan Astronomi** dengan peruntukan **100 ribu ringgit**.

Ketiga: Inisiatif **Latihan Industri Golongan B40** berjumlah **800 ribu ringgit** melalui sektor SME dengan pemberian *Apprenticeship Allowance* untuk meningkatkan kebolehpasaran belia.

Keempat: Inisiatif **Bantuan Sokongan Awal Kemasukan Golongan B40 ke Institusi TVET** berjumlah **1 juta ringgit**.

Kelima: **Pembangunan Tenaga Pengajar TVET** berjumlah **500 ribu ringgit** melalui program *Upskilling* dan *Reskilling*.

Keenam: **Pemeriksaan TVET Tahfiz** dengan kerjasama JAIM berjumlah **2 juta ringgit**.

Ketujuh: Penubuhan **TVET Excellence Centre** melalui usaha sama dengan *Technical University of Munich* (TUM) ke arah pembangunan usahawan berteknologi tinggi.

Kelapan: **Pelaksanaan 1 TVET 1 DUN** bagi memfokuskan kemahiran dan latihan di setiap DUN.

- 181.** Hakikatnya, keseluruhan inisiatif pembangunan TVET yang diselaras di bawah Majlis TVET Negeri Melaka ini merupakan komitmen Kerajaan Negeri untuk melahirkan tenaga kerja mahir khususnya dalam menyokong potensi anak Melaka.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

- 182.** Hari ini, Melaka tidak akan berdiri megah tanpa adanya **pengamal media** yang menjadi jambatan dalam menyampaikan dasar, inisiatif dan pencapaian kerajaan kepada rakyat. Maka, pada sidang dewan kali ini... buat julung- julung kalinya.... Kerajaan Negeri mengangkat peranan media menerusi **insentif khas secara one-off sebanyak 500 ringgit** dengan implikasi kewangan **75 ribu ringgit**.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

MATLAMAT 3: MEMANTAPKAN TATAKELOLA DAN KECEKAPAN TADBIR URUS

TUMPUAN 13: PERKHIDMATAN AWAM

- 183.** Sepanjang tahun 2025, saya sememangnya amat menghargai peranan jentera **Perkhidmatan Awam Negeri Melaka** sebagai tulang belakang dalam membina kegemilangan Melaka sekali gus melakarkan **prestasi cemerlang**, Antaranya:

Pertama: **Pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai pembaharuan penyampaian perkhidmatan awam melalui nilai-nilai H.E.M.A.T** bagi 35 inisiatif, antaranya:

- **Kampung Digital Negeri Melaka;**
- **Program Wakil Rakyat untuk Rakyat (WRUR); dan**
- **Pendigitalan Tapak Perkuburan Islam Negeri Melaka.**

Kedua: **Pengiktirafan dalam pelaksanaan Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) apabila berjaya mencatat penjimatan sebanyak 13.5 juta ringgit setahun hasil pelaksanaan pelbagai inisiatif kecekapan yang mempercepatkan urusan kerajaan.**

Ketiga: **YBhg. Datuk Yang Dipertua MPHTJ telah dinobatkan Johan bagi kategori Majlis Perbandaran, manakala YBhg. Datuk Bandar MBMB telah meraih Naib Johan bagi kategori Majlis Bandaraya sempena Anugerah Kepimpinan PBT Terbaik Perbandaran Bandaraya dan Perbandaran 2025 oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).**

Keempat: **Perbadanan Bioteknologi Melaka menerima Anugerah Majikan Terbaik Melaka 2025.**

Kelima: **PERPUSTAM menerima pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi inisiatif Perpustakaan Digital Melaka.**

Keenam: **Lembaga Tabung Amanah Melaka menerima Anugerah Pelabur Aktif Saham Khas Bumiputera kategori Institusi Amanah**

**Keutamaan daripada Kementerian Pelaburan,
Perdagangan dan Industri.**

Ketujuh: **JPKK Kampung Paya Rumpit, Masjid Tanah**
memenangi **tempat ketiga Anugerah SejaTi**
MADANI Terbaik Tahun 2025.

- 184.** Kecekapan penyampaian perkhidmatan awam amat signifikan bagi memenuhi kepuasan hati *stakeholder*. Tuntasnya... di bawah pentadbiran ini, saya mengambil pendekatan serius dalam menyantuni segala keperluan rakyat sebagai matlamat utama yang menjadi teras penyampaian perkhidmatan awam.
- 185.** Sejelangnya, Kerajaan Negeri merakytakan pentadbiran ini melalui **Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (WRUR)** di mana sebanyak 1,993 aduan telah direkodkan dan 73 peratus berjaya diselesaikan!
- 186.** Tidak cukup dengan itu, Kerajaan Negeri memperkenalkan pula **Hari Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) Bersama Rakyat (HEBAT)** yang diadakan setiap 45 hari bagi memastikan isu dan aduan rakyat dapat ditangani dengan lebih cepat dan berkesan. Program ini telah menerima 106 aduan, dan 86 peratus daripadanya telah berjaya diselesaikan. INILAH KOMITMEN KERAJAAN, MEMACU PEMBANGUNAN TERANCANG, DEMI RAKYAT UNTUK RAKYAT!
- 187.** Menjengah ke hadapan, tahun 2026 merupakan kesinambungan kepada pelaksanaan **Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)**. Kesemua kategori penjawat awam termasuk Guru KAFA dan Tadika JAIM akan menerima **peningkatan gaji kali kedua** yang melibatkan implikasi kewangan sebanyak **7.5 juta ringgit**.

188. Kerajaan Negeri Melaka terus menghargai sumbangan penjawat awam dengan mewujudkan pelbagai bentuk pengiktirafan dan insentif, antaranya:

- **Insentif Jabatan Cemerlang;**
- **Insentif Jabatan Pemungut Hasil;** dan
- **Kursus Profesional di luar negara.**

189. Apapun... kepada penjawat awam.... teruslah berkarya bersama saya ke arah membina Melaka yang lebih gemilang. Kini... tibalah masa yang dinanti-nantikan...

**Wajah berseri penjawat awam negeri.
Setia menanti di seluruh negeri;
Kerajaan bagi setengah bulan gaji,
Bayaran diberi akhir bulan nanti.**

**Melaka tersohor negeri warisan,
Lipatan sejarah zaman berzaman;
Minimum 2 ribu kerajaan berikan,
Tanda kasih dan penghargaan.**

**Melaka indah negeri pelancongan,
Lokasi menarik cukup menawan;
500 ringgit pemberian tambahan,
Bulan Mac kita salurkan.**

190. **Bantuan Khas Kewangan** kepada penjawat awam ini adalah sebagai tanda penghargaan di atas segala pencapaian sepanjang tahun 2025. Dengan pengumuman **minimum 2 ribu ringgit**, seramai **1,153 orang akan mendapat lebih daripada**

sebulan gaji. Antaranya yang paling tinggi adalah seramai **631 orang Guru KAFA dan Tadika JAIM.**

- 191.** Saya amat berharap inisiatif ini dapat menyuntik semangat baharu kepada seluruh penjawat awam untuk terus komited seiring dengan aspirasi kepimpinan negeri, demi menjayakan agenda PEMBANGUNAN TERANCANG, DEMI RAKYAT UNTUK RAKYAT pada tahun 2026. InsyaAllah!

PENUTUP

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

- 192.** Kejayaan ini bukan milik seorang, tetapi hasil kesepakatan kita semua di bawah kepimpinan Kerajaan Perpaduan, sokongan padu daripada jentera pentadbiran negeri dan persekutuan, hinggalah ke seluruh lapisan rakyat Melaka yang mendambakan kemajuan negeri ini.
- 193.** Saya menzahirkan setulus penghargaan kepada semua EXCO, Timbalan EXCO dan semua Ahli Dewan Undangan Negeri yang berdiri teguh bersama kepimpinan ini. Dengan perancangan yang komprehensif dan inklusif, saya yakin... manfaatnya akan benar-benar dirasakan rakyat. Semoga segala inisiatif ini dapat dilaksanakan sepanjang tahun 2026 dan terus mengangkat nama Melaka di pentas dunia. InsyaAllah!!

Mudik ke muara membawa pancang,
Pancang disusun kemasnya terikat;
Bajet Melaka pembangunan terancang,
Berkhidmat demi rakyat, untuk rakyat.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Saya mohon mencadang.